



INERA

JAN/FEB 2017

JURNAL PALGRAVE MACMILLAN KINI BOLEH DIAKSES OLEH WARGA UniMAP

Sejumlah 56 jurnal ilmiah terbitan Palgrave-Macmillan kini boleh diakses melalui pelantar SpringerLINK. Sumber ilmiah ini boleh diakses melalui laman Sumber elektronik Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra di <http://ezproxy.unimap.edu.my>. Selain itu, kandungan teks penuh SpringerLINK juga boleh diterokai dan ditemui secara sistematik melalui Worldcat Discovery. Selain daripada tambahan liputan kandungan jurnal terbitan Palgrave Macmillan, SpringerLINK menyediakan akses kepada 1,300 jurnal dalam pelbagai bidang perkara dengan liputan tahun 1996 hingga kini. Langkah ini bakal meluaskan kandungan ilmiah kepada liputan jurnal dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan. Pusat Pengajian Perniagaan dan Teknousahawan dan Pusat Pengajian Komunikasi Insan dan Media Baru kini boleh mengoptima kandungan berkualiti jurnal Palgrave Macmillan.

SENARAI JURNAL TERBITAN PALGRAVE – MACMILLAN

Acta Politica
American Journal of Cultural Sociology
American Journal of Psychoanalysis
Asian Business & Management
BioSocieties
British Politics
Business Economics
Comparative Economic Studies
Comparative European Politics
Contemporary Political Theory

Corporate Reputation Review
Crime Prevention and Community Safety
Development
Eastern Economic Journal
Economic & Labour Market Review
The European Journal of Development Research
European Journal of Information Systems
European Political Science
Feminist Review
Financial Statistics
French Politics
The Geneva Papers on Risk and Insurance - Issues and Practice
The Geneva Risk and Insurance Review
Health Systems
Higher Education Policy
IMF Economic Review
Interest Groups & Advocacy
International Abstracts in Operations Research (IAOR Online)
International Journal of Disclosure and Governance
International Politics
International Politics Reviews
Journal of Asset Management
Journal of Banking Regulation
Journal of Brand Management
Journal of Direct, Data and Digital Marketing Practice
Journal of Financial Services Marketing
Journal of Information Technology
Journal of Information Technology Teaching Cases
Journal of International Business Studies

Journal of International Relations and Development
 Journal of Marketing Analytics
 Journal of the Operational Research Society
 Journal of Public Health Policy
 Journal of Revenue and Pricing Management
 Journal of Simulation
 Knowledge Management Research & Practice
 Latino Studies
 Maritime Economics & Logistics
 Monthly Digest of Statistics
 Palgrave Communications
 Place Branding and Public Diplomacy
 Polity
 Postmedieval: a journal of medieval cultural studies
 Psychoanalysis, Culture & Society
 Risk Management
 Security Journal
 Social Theory & Health
 Subjectivity
 URBAN DESIGN International

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai akses kepada jurnal berkenaan, sila hubungi:




WORLDSHARE ILL

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra kini menawarkan akses kepada Worldshare ILL untuk meningkatkan akses kepada sumber maklumat yang tiada di Perpustakaan UniMAP. Ini bermakna Worldshare membolehkan anda meminjam atau memperoleh bahan bacaan daripada perpustakaan akademik seluruh dunia. Walau bagaimanapun, Perpustakaan akan mengenakan bayaran pengendalian perkhidmatan (handling service) yang dikenakan oleh perpustakaan peminjam.

Jika anda memerlukan bahan bacaan yang tiada di Perpustakaan UniMAP, Worldshare boleh membantu mengesan dan memperoleh bahan berkenaan daripada perpustakaan akademik lain di seluruh dunia.


Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Sistem Penemuan Worldcat Discovery Service di mylibrary.unimap.edu.my.



Mulakan carian di Laman WorldCat Discovery



Pameran Bangku hasil kreativiti para pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan kini dipamerkan di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra.



Butang *Request Item* akan dipamerkan secara Automatik sekiranya bahan tiada di Perpustakaan UniMAP. Borang permohonan akan dipamerkan dan pengguna perlu mengisi butiran penting secara atas talian.

Selamat Meneroka!

WORLDCAT DISCOVERY




Terokai sumber maklumat ilmiah global

Maklumat ilmiah kini berada di dalam pelbagai platform yang dibangunkan oleh individu, kumpulan atau organisasi. Artikel jurnal ilmiah umpamanya dihimpun dalam satu platform penerbit ilmiah, penerbit komersil, badan profesional malahan laman web penyelidik. Semua maklumat ini kini berada di dalam talian atau umumnya melalui Internet. Ia boleh ditemui oleh Google dan mana-mana enjin carian lain. Situasi ini mewujudkan persepsi bahawa dewasa ini, maklumat sangat mudah dikesan dan ditemui. Memang benar, maklumat semakin mudah dikesan.

Walau bagaimanapun proses mengesan dan memilih maklumat relevan menjadi semakin kompleks. Tidak semua hasil carian yang disenaraikan secara relevan pada laman Google bersesuaian dengan keperluan maklumat penyelidik. Penyelidik memerlukan masa yang panjang untuk menapis hasil carian dan memastikan mereka tidak terlepas menemui maklumat penyelidikan terkini dalam topik mereka. Di sinilah peranan dan kepentingan *WorldCat Discovery*.


Memanfaatkan WORLDCAT DISCOVERY

1. Login ke laman Web Perpustakaan di mylibrary.unimap.edu.my
2. Rujuk kotak carian *Worldcat Discovery*
3. Masukkan kata punca atau kata carian pada petak carian.
4. Klik pada butang *Search Worldcat Discovery*
5. Hasil carian akan dipaparkan.



6. Klik pada butang *Access Online* untuk merujuk kepada bahan


2. **Biomedical engineering entrepreneurship**



by [Jen-shih. Lee](#)
eBook ©2010

Held by: **Universiti Malaysia Perlis**

This book is written for undergraduate and graduate students in biomedical engineering wanting to learn how to pursue a career in building up their entrepreneur ventures. Practicing engineer... [Read More](#)

 Access online

7. Masukkan kata nama dan kata laluan. Butiran ini hanya perlu dimasukkan sekali bagi setiap sesi penggunaan.



e - resources SEARCH

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra,
Universiti Malaysia Perlis

MEMBERS LOGIN :

Please enter your username :
e-mail username.

Please enter your password :
your complete IC number

Login

8. Sekiranya anda tidak mengetahui kata nama dan kata laluan, sila hubungi Kaunter Perkhidmatan Akses di 604-9885410

9. Teks penuh buku berkenaan akan dipaparkan.

30 *Biomedical Engineering Entrepreneurship*

enduring interest in the medical technology that was slowly gaining ground, would enhance the cause of minimally invasive therapy and guard the soul of the enterprise.

Here are three excerpts from Nicholas on this partnership:
 "We are simply going to run our business on the basis of what we agreed to agree about and what we agreed to disagree about, and that's it."
 "We are going to develop a partnership. We are going to create a 50/50 enterprise. We made a commitment to make this little enterprise the sole focus of our careers."
 "I was thinking about ownership from a control point of view only because I didn't know how to do it. I was thinking about ownership from a control point of view only because I didn't know how to do it."

10. Pengguna boleh memuat turun dan mencetak kandungan teks penuh bergantung kepada kebenaran penerbit atau pembekal perkhidmatan

All Formats

- All Formats
- Article/Chapter (698575)
 - Article (479171)
 - Chapter (201610)
 - Downloadable article (19078)
- Book (39658)
 - Thesis/dissertation (19184)
 - Print book (13418)
 - eBook (10102)
 - Microform (240)
 - Continually updated resource (17)
 - Large print book (4)

11. Selain itu, pengguna boleh memilih jenis bahan yang diperlukan melalui kemudahan opsyen format.

12. Dengan memilih format bahan yang diperlukan, sistem akan memaparkan hanya bahan dalam topik dan bentuk bahan yang diperlukan sahaja.

13. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai *WorldCat Discovery*, sila berhubung dengan kami:

UNIT PENDIDIKAN & PENYELIDIKAN
 PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

TEL : 604 9885410
 EMAIL: rujukan@unimap.edu.my